جابتن كهاكيمن شرعية نكري جوهر
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ.600-1/2/6 JLD.2(7)
Takwim : 17 Jamadil Awal 1448H
Tarikh : 29 OKtober 2026

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 3 TAHUN 2026

KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN KAUNSELING
DALAM AFIDAVIT PERMOHONAN PERCERAIAN

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Keperluan Mengemukakan Laporan Kaunseling Dalam Afidavit Permohonan Perceraian.

1. Pendaftar, sebelum mendaftarkan kes di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, hendaklah memastikan Pemohon mendeposkan dalam afidavitnya suatu pernyataan tentang sama ada apa-apa, dan, jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian di bawah subperenggan 47(1)*(e)* Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.

"Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini"

2. Pernyataan tersebut hendaklah dibuktikan dengan mengekshibitkan apa-apa dokumen termasuklah;

(a) Laporan Sesi Khidmat Nasihat yang dikeluarkan oleh Unit Khidmat Nasihat, Pejabat Kadi Daerah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor; atau

(b) Borang BAT D 194 (Pind.1/2001) Surat Keterangan Permohonan Untuk Bercerai (bagi anggota tentera atau pasangannya sahaja); atau

(c) Laporan Mediasi, Jabatan Bantuan Guaman Malaysia; atau

(d) Laporan Sesi Kaunseling Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim; atau

(e) Laporan mana-mana Kaunselor/Pegawai Mediasi yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia; atau

(f) Apa-apa dokumen lain yang diterima oleh Pendaftar seperti:

  (i) Laporan Majlis Sulh; atau

  (ii) Perakuan Jawatankuasa Pendamai; atau

  (iii) Laporan Majlis Tahkim.

3. Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran kes jika Pemohon gagal mematuhi kehendak para 1 dan/atau 2 di atas.

4. Mahkamah hendaklah mempertimbang langkah-langkah yang telah diambil oleh Pemohon dan Responden untuk mencapai perdamaian sebelum berpuas hati bahawa perkahwinan Pemohon dan Responden telah pecah belah dengan tak dapat dipulihkan di bawah subseksyen 47(3) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2027

(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor